

30 OCT 2000

Mahathir-Pemilihan

MT UMNO SETUJU PEMILIHAN MENGIKUT PENGGAL DEWAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini bersetuju dengan cadangan pindaan perlembagaan parti supaya pemilihan MT diadakan mengikut penggal Dewan Rakyat.

Presiden Umno itu berkata pemilihan berkenaan juga dicadang supaya diadakan dalam tempoh 12 bulan selepas pilihan raya umum.

Selain itu, mesyuarat hari ini juga bersetuju supaya pemilihan MT kekal dibuat pada perhimpunan agung Umno dan bukannya di peringkat bahagian seperti cadangan yang diterima oleh Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan parti.

Mesyuarat MT turut bersetuju dengan cadangan mengekalkan sistem kuota pencalonan bagi sesiapa yang ingin bertanding jawatan-jawatan tertinggi parti, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat itu di ibu pejabat Umno di sini.

Perdana Menteri berkata semua cadangan yang diluluskan hari ini akan dibawa ke Perhimpunan Agung Khas Umno 18 Nov ini untuk dibahaskan.

Menjelaskan tentang pemilihan MT, Dr Mahathir berkata: "Hanya satu pemilihan MT dalam satu penggal Parlimen. Kalau penggal Parlimen empat tahun, kita mesti adakan (pemilihan MT) dalam empat tahun, kalau lima tahun, sekali dalam lima tahun."

Beliau berkata cadangan itu bertujuan meletakkan satu jarak antara pilihan raya umum dengan pemilihan anggota MT.

Ditanya sama ada ia boleh dianggap sebagai usaha untuk terus berpegang kepada kuasa, Perdana Menteri berkata: "Parlimen juga membenarkan tempoh bagi memegang kuasa selama lima tahun. Tak apalah..."

Menurutnya semua anggota parti yang menjadi perwakilan ke perhimpunan agung berhak mengundi untuk memilih anggota MT seperti amalan sekarang.

Katanya lagi mesyuarat hari ini berpendapat cadangan mengadakan pemilihan MT di peringkat bahagian akan menimbulkan masalah logistik selain tidak menjamin politik wang tidak berlaku.

"Mungkin ada orang yang begitu kaya dapat pekerja di seluruh Malaysia untuk menentukan dirinya dicalonkan. Itu sesuatu yang mungkin berlaku. Kerana itulah kita dapati pemilihan MT di peringkat bahagian tidak menjamin tidak akan ada politik wang," katanya.

Dr Mahathir berkata masalah logistik yang mungkin dihadapi ialah mesyuarat bahagian perlu diadakan serentak untuk memilih anggota MT dan mana-mana yang didapati tidak sah perlu diadakan semula.

"Jadi keputusan bahagian lain boleh mempengaruhi bahagian yang mengadakan mesyuarat semula," katanya.

Dr Mahathir berkata MT berpendapat lebih baik dikekalkan peraturan sekarang iaitu calon yang hendak bertanding dipilih di peringkat bahagian dengan mengambil kira peratusan pencalonan yang digunapakai ketika ini.

Mengikut perlembagaan Umno, seseorang yang ingin bertanding jawatan presiden parti perlu mendapat 30 peratus pencalonan daripada bahagian sementara timbalan presiden (20 peratus), naib presiden (10 peratus) dan MT (lima peratus).

Katanya lagi, turut dipersetujui ialah cadangan mengadakan mesyuarat peringkat bahagian sekali dalam satu penggal Parlimen manakala mesyuarat cawangan pula diadakan dua tahun sekali.

Mengenai penubuhan Puteri Umno, Dr Mahathir berkata ia merupakan satu entiti tersendiri dan statusnya bukan sebagai kelab.

Ketua Puteri, bagaimanapun secara automatik akan menjadi anggota MT dan bukannya bertaraf naib presiden seperti yang dicadangkan.

Beliau berkata struktur Puteri Umno termasuk had umur akan diputuskan MT kelak.

MT turut menerima cadangan supaya presiden parti diberi kuasa melantik 12 anggota MT (berbanding 10 sekarang).

Menyentuh satu cadangan lain yang dikumpulkan oleh jawatankuasa pindaan perlembagaan parti, Dr Mahathir berkata anggota Dewan Rakyat dan anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) perlu berada dalam jawatankuasa bahagian masing-masing.

"Kalau mereka bertanding dan menang (peringkat bahagian), memanglah mereka akan ada dalam jawatankuasa bahagian. Tetapi kalau mereka bertanding dan kalah, mereka berhak menjadi anggota biasa (ex-officio) dalam jawatankuasa bahagian. Kalau mereka tak bertandingpun mereka berhak menjadi anggota dalam jawatankuasa bahagian," katanya.

Beliau berkata ini kerana wakil rakyat tidak boleh terpisah langsung daripada pengurusan bahagian walaupun sebagai ex-officio yang tidak mempunyai kuasa undi.

Menurutnya peraturan ini jika diluluskan akan berkuatkuasa selepas pemilihan bahagian tahun depan.

Dr Mahathir berkata sebuah Lembaga Disiplin dijangka menggantikan Jawatankuasa Disiplin Umno sekarang dan ia akan dianggotai daripada kalangan bukan anggota MT yang tidak mempunyai kepentingan dalam parti.

Menyentuh permohonan menjadi anggota Umno, beliau berkata cawangan tidak ada hak menolak mana-mana permohonan orang Melayu atau Bumiputera menyertai parti itu.

Bagaimanapun, MT berhak menolak permohonan itu jika didapati pemohon masih menjadi anggota pembangkang, bankrap atau mempunyai rekod jenayah, katanya.

-- BERNAMA  
MAM RZS RON